



Cardholder Agreement Terms & Conditions

Terma & Syarat
Perjanjian Pemegang Kad



TERMA & SYARAT PERJANJIAN PEMEGANG KAD MASTERCARD, VISA ATAU AMERICAN EXPRESS 21 – 39

Fasal 1 – Takrif	21
Fasal 2 – Pengeluaran Kad	21
Fasal 3 – Pematuhan dan Pengesahan oleh Pemegang Kad	21
Fasal 4 – Pengembalian Kad	22
Fasal 5 – Kecurian atau Kehilangan Kad	23
Fasal 6 – Penggantian/Pembaharuan Kad	23
Fasal 7 – Had Pendahuluan Tunai, Pembelian dan Urusniaga	23
Fasal 8 – Yuran dan Caj Lain	24
Fasal 9 – Rekod Urusniaga	24
Fasal 10 – Urusniaga ATM	24
Fasal 11 – Urusniaga Luar Negara	24
Fasal 12 – Penyata Akaun	24
Fasal 13 – Pendahuluan Tunai	25
Fasal 14 – Caj Kewangan	25
Fasal 15 – Caj Pembayaran Lewat	26
Fasal 16 – Baki Akaun Perlu Dibayar	26
Fasal 17 – Permohonan Pembayaran	26
Fasal 18 – Pengecualian	26
Fasal 19 – Pembayaran Melalui Cek	27
Fasal 20 – Kad Tambahan	27
Fasal 21 – Tolakan	27
Fasal 22 – Tanggung Rugi	27
Fasal 23 – Force Majeure	27
Fasal 24 – Penolakan Tuntuan	27
Fasal 25 – Tidak ada Agensi atau Perkongsian	28
Fasal 26 – Pindaan	28
Fasal 27 – Pengasingan	28
Fasal 28 – Fasal-fasal Deklarasi dari Pemegang Kad	28
Fasal 29 – Pendedahan	28
Fasal 30 – Dokumen Lain	29
Fasal 31 – Penyerahan	29
Fasal 32 – Penghantaran Notis	29
Fasal 33 – Perakuan Keterangan Muktamad	29
Fasal 34 – Penggantungan Akaun	29
Fasal 35 – Perlantikan Ejen	29
Fasal 36 – Peringatan Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	29
Fasal 37 – Pengawasan dan Rakaman Telefon	29
Fasal 38 – Pengganti	30
Fasal 39 – Pembaharuan Bank	30
Fasal 40 – Masa Adalah Asas	30
Fasal 41 – Undang-undang yang Terpakai	30
TERMA & SYARAT PELAN PEMBAYARAN LANJUTAN (EPP)	31
TERMA & SYARAT PINDAH BAKI	32
TERMA & SYARAT PROGRAM PINDAH BAKI 6.99% SETAHUN SEPANJANG HAYAT	34
TERMA & SYARAT CASH-ON-CALL	35
TERMA & SYARAT KAD FORTUNE HONG LEONG	37
TERMA & SYARAT KAD ESSENTIAL HONG LEONG	39

Sebagai pertimbangan Hong Leong Bank Berhad (kemudian dari ini disebut sebagai "Bank") yang bersetuju untuk menyediakan kemudahan yang diberikan oleh Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express termasuk yang bergabung atau berkongsi jenama Kad MasterCard dan/atau Visa (kemudian dari ini disebut "kad") kepada individu yang dinyatakan namanya (kemudian dari ini disebut sebagai "Pemegang Kad") atas permintaan Pemegang Kad, maka Pemegang Kad dengan ini berwaad, mengaku janji dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat berikut:

Fasal 1 – Takrif

Dalam Perjanjian ini, apabila konteks menerimanya, ungkapan berikut mempunyai makna yang ditetapkan kepadanya melainkan dinyatakan sebaliknya:

- (a) "Perjanjian" bermakna perjanjian antara Pemegang Kad dengan Bank di mana Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express dikeluarkan untuk Pemegang Kad, menurut terma dan syarat dalam perjanjian ini dan juga terma dan syarat yang terkandung dalam borang permohonan Bank yang ditandatangani dan diserahkan oleh Pemegang Kad kepada Bank ketika memohon Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express.
- (b) "AMEX" bermakna American Express Limited, sebuah syarikat yang dikendalikan di Delaware, dengan ibu pejabatnya di World Financial Center, New York, N.Y. 10285, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusinya.
- (c) "Had kredit ditentukan" bermakna had kredit yang ditentukan oleh Pemegang Kad kepada Pemegang Kad Tambahan dan dimaklumkan kepada Bank.
- (d) "ATM" bermakna mesin wang automatik.
- (e) "Bank" bermakna Hong Leong Bank Berhad beralamat di Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur;
- (f) "Mata wang bil" bermakna mata wang bil dalam Ringgit Malaysia seperti yang ditentukan dalam Fasal 9 dan termasuk singkatannya, iaitu "RM";
- (g) "Kad" bermakna mana-mana Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express yang dikeluarkan oleh Bank di bawah kategori Klasik, Emas atau Platinum, kategori lain yang mungkin diperkenalkan atau digantikan oleh Bank dari masa ke semasa dan termasuk kad yang dikeluarkan secara gabungan atau penyatuan dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau kad yang dikeluarkan di bawah mana-mana produk atau nama atau rujukan terpilih, dan dengan mengambil kira Fasal 20 dalam perjanjian ini, juga termasuk Kad Tambahan;
- (h) "Pemegang kad" bermakna individu yang namanya tertera pada kad dan dengan mengambil kira Fasal 20 dalam perjanjian ini, juga termasuk Kad Tambahan;
- (i) "Akaun Lain Pemegang Kad" bermakna akaun-akaun lain Pemegang Kad dengan Bank, selain Akaun MasterCard, Visa dan/atau American Express, termasuk akaun bersama Pemegang Kad dengan pihak ketiga;
- (j) "Baki Semasa" bermakna jumlah agregat yang ditunjukkan dalam Penyata sebagai perlu dibayar atau mana-mana notis bertulis yang disampaikan oleh Bank;
- (k) "Caj kewangan" dan "Bayaran Minimum Perlu Dibayar" bermakna caj kewangan dan bayaran minimum yang perlu dibayar yang merujuk kepada Fasal 14 dalam perjanjian ini;
- (l) "Caj Pengendalian" dan "bayaran tambahan" bermakna caj pengendalian dan bayaran tambahan yang merujuk kepada Fasal 8 dalam perjanjian ini;
- (m) "Caj pembayaran lewat" bermakna caj pembayaran lewat yang merujuk kepada Fasal 15 dalam perjanjian ini;
- (n) "MasterCard International" bermakna MasterCard International Incorporated, sebuah syarikat yang dikendalikan di Delaware dengan pejabat dan pusat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, N.Y. 10577-2509, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusinya;
- (o) "Nombor Akaun MasterCard, Visa dan/atau American Express" bermakna nombor akaun yang diberikan kepada Akaun MasterCard, dan/atau Visa dan/atau American Express;
- (p) "Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express" bermakna akaun Kad MasterCard, dan/atau Visa, dan/atau American Express milik Pemegang Kad di mana semua pembayaran didebitkan untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai dibuat melalui penggunaan Kad tersebut termasuk Kad Tambahan dan semua yuran tahunan caj pengendalian, caj kewangan dan/atau caj pembayaran lewat;
- (q) "Kedai" termasuk semua kedai yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan.
- (r) "Tarikh Perlu DiBayar" bermakna tarikh yang dinyatakan dalam penyata di mana bayaran Baki Semasa atau bayaran minimum perlu dibayar mesti dijelaskan oleh Pemegang Kad;
- (s) "PIN" bermakna nombor Pengenal Diri Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan;
- (t) "Tarikh Pencatatan" bermakna tarikh mana-mana urusan niaga yang dilakukan oleh Pemegang Kad didebitkan dan direkodkan dalam Penyata;
- (u) "Had kredit ditetapkan" bermakna had kredit yang ditetapkan oleh Bank bagi semua pembelian, pendahuluan tunai dan semua urusan niaga lain yang dilakukan oleh Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan (di mana Kad Tambahan telah dikeluarkan), sama ada had kredit tersebut dimaklumkan kepada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan atau tidak;
- (v) "Kad Ganti" bermakna Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad atas budi bicara Bank untuk menggantikan kad yang dicuri atau hilang;
- (w) "Penyata" bermakna Penyata berkala Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang menunjukkan jumlah baki, mana-mana caj kewangan, yuran-yuran, caj-caj lain, jumlah minimum perlu dibayar dan tarikh perlu dibayar.
- (x) "VISA" bermakna Visa International Service Association, sebuah syarikat yang dikendalikan di Delaware dengan ibu pejabatnya di 3125 Clearview Way, San Mateo, CA 94402, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusinya.

Fasal 2 – Pengeluaran Kad

Kad dikeluarkan untuk penggunaan berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlakanya termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- (a) Pembayaran untuk mana-mana pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang boleh dicajkan ke Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express; dan/atau
- (b) Pendahuluan tunai seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13 dalam Perjanjian ini; dan/atau
- (c) Kemudahan lain, tertakluk kepada persetujuan bertulis terdahulu dengan Bank.

Fasal 3 (a), (b), (c), (d) & (e) – Pematuhan dan Pengesahan oleh Pemegang Kad

Fasal 3 (a):

Setelah Kad diterima, Pemegang Kad hendaklah segera menandatangani Kad seperti mana dalam borang permohonan yang diserahkan kepada Bank dalam ruang tandatangan yang disediakan pada kad dan pada slip pengesahan penerimaan, dan mengembalikan slip pengesahan tersebut kepada Bank.

Merujuk kepada Fasal 5 (a), jika tandatangan Pemegang Kad di atas Kad berlainan dengan yang terdapat pada borang permohonan, Pemegang Kad walau bagaimanapun bersetuju untuk bertanggungjawab atas semua urusan yang dibuat menggunakan kad tanpa mengira sama ada tandatangan di atas Kad, draf jualan, rekod urusniaga, baucar kredit, draf pengeluaran tunai dan/atau rekod caj yang lain adalah sama seperti di dalam borang permohonan atau sebaliknya. Tandatangan di dalam mana-mana dokumen seperti yang dinyatakan akan dijilidkan dan menjadi bukti bahawa Pemegang Kad menerima terma dalam Perjanjian ini.

Pemegang Kad mengesahkan bahawa Kad boleh digunakan dalam urusan (termasuk tetapi tidak terhad kepada telejual dan urusan internet) yang tidak memerlukan tandatangan fizikal. Pemegang Kad memahami tentang penggunaan dan penjagaan Kad pada setiap masa, tidak memberi atau memudahkan akses kepada kad dan/atau penggunaan yang tidak dibenarkan oleh Bank, dan akan berada bersama Kad apabila proses urusan dilakukan.

Penggunaan Kad juga tertakluk kepada kaedah, syarat dan peraturan yang diguna pakai oleh Bank dan semua terma dan peraturan lain yang dikenakan ke atas Akaun lain Pemegang Kad termasuk mana-mana peraturan atau arahan mana-mana pihak berkuasa Malaysia. Pemegang Kad bersetuju bahawa dengan menggunakan kad dan/atau mengekalkan Akaun Kad kredit dengan pihak bank, Pemegang Kad telah bersetuju menerima terma dan syarat-syarat keahlian. Segala penerangan terperinci dan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad dalam semua borang permohonan atau apa saja cara permohonan, berhubung dengan pihak bank dalam segala apa cara adalah benar dan tepat.

Fasal 3 (b):

Kad tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad. Kad tidak boleh disandarkan oleh Pemegang Kad sebagai cagaran untuk mana-mana tujuan.

Fasal 3 (c):

Sebagai tambahan dan bukan sebagai pengurangan bagi perkara di atas, Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad melalui notis bertulis kepada Bank dan mengembalikan Kad yang dikerat dua kepada Bank. Tiada pembayaran balik yuran tahunan atau mana-mana bahagian daripadanya akan dibuat kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad akan dan tetap bertanggungjawab untuk mana-mana urusan yang dibuat melalui penggunaan Kad sebelum Bank menerima notis bertulis tentang penamatan dan sebelum Kad yang dikerat dua dikembalikan kepada Bank.

Pemegang Kad memahami bahawa meskipun jika sebarang perihal timbul, samada dilakukan oleh Pemegang Kad, Bank atau sebaliknya, selagi tiada notis bertulis tentang penamatan dan pengembalian Kad yang dikerat dua tidak diterima oleh Bank, sebarang penggunaan dan/atau tanggungan berkenaan dengan Kad akan terus ditanggung oleh Pemegang Kad.

Fasal 3 (d):

Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi mana-mana tindakan atau kegagalan mana-mana pusat-pusat perniagaan termasuk tanpa dan tidak terhad kepada mana-mana keengganan untuk menerima Kad, atau mana-mana kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad.

Pemegang Kad akan melangsaikan sebarang aduan, tuntutan dan pertikaian dengan pusat-pusat perniagaan tersebut secara terus dan bukan melalui Bank dan Pemegang Kad mengaku janji tidak akan melibatkan Bank dalam mana-mana tuntutan dan/atau pertikaian atau tindakan undang-undang.

Sebarang tuntutan atau/pertikaian yang mana Pemegang Kad mungkin ada terhadap pusat-pusat perniagaan tersebut tidak akan melepaskan Pemegang Kad terhadap mana-mana obligasi untuk membayar jumlah yang dibelanjakan di bawah ini kepada Bank tanpa sebarang potongan.

Fasal 3 (e):

Pemegang Kad bertanggungjawab kepada Bank untuk apa-apa transaksi berterusan yang dibilkan ke Kad beliau akibat daripada arahan/bayaran yang sedia ada ditetapkan dengan badan urusan yang melibatkan Kad tersebut meskipun Pemegang Kad tersebut telah membatalkan Kad tersebut. Adalah tugas dan obligasi mutlak Pemegang Kad untuk membatalkan atau memindahkan arahan/bayaran yang ditetapkan kepada cara bayaran lain sebelum pembatalan Kad beliau. Bank boleh memansuhkan transaksi tersebut daripada Akaun Kad, meskipun tidak diobligasikan untuk berbuat demikian, di mana Pemegang Kad mengemukakan bukti bayaran dibuat oleh beliau kepada badan urusan yang menerima bayaran di bawah arahan/bayaran yang ditetapkan itu.

Fasal 4 (a) & (b) – Pengembalian Kad

Fasal 4 (a):

Kad adalah dan akan sentiasa menjadi milik Bank dan hendaklah diserahkan kepada Bank dengan segera apabila diminta oleh Bank atau ejennya yang diberi kuasa. Bank mempunyai hak menurut budi bicara mutlak, untuk menarik balik atau menggantung Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan berhubung dengannya pada bila-bila masa, dengan atau tanpa (seperti yang dianggap sesuai menurut budi bicara mutlak) memberikan notis terlebih dahulu dan dalam keadaan seumpamanya jika dianggap sesuai olehnya, Bank berhak menamatkan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad. Lanya juga dipersetujui bahawa Bank tidak mempunyai apa jua kewajipan untuk memberikan sebab bagi penamatan penggunaan Kad.

Fasal 4 (b):

Tanpa memudaratkan atau menghadkan atau menjejaskan hak-hak Bank yang terkandung dalam Fasal 4 (a) di atas, Bank boleh menarik balik Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan berhubung dengannya, dengan atau tanpa (seperti yang dianggap sesuai menurut budi bicara mutlak) memberikan notis terlebih dahulu dan dalam keadaan seumpamanya jika dianggap sesuai olehnya, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad, di mana peruntukan dalam Fasal 12 (b) dan (c) akan diterima pakai walaupun Bank mungkin menetapkan haknya dalam beberapa kejadian sebelumnya, setelah berlaku mana-mana satu atau lebih daripada perkara-perkara berikut:

- (i) Jika Pemegang Kad gagal atau mungkin menjelaskan apa jua dan bagaimana jua mana-mana bayaran yang perlu dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran minimum perlu dibayar, caj kewangan dan caj pembayaran lewat dan mana-mana yuran dan bayaran lain, apabila terhutang dan perlu dibayar berdasarkan dan menurut peruntukan yang terkandung dalam perjanjian ini sama ada diminta secara rasmi atau tidak;
- (ii) jika Pemegang Kad melakukan atau mengancam untuk melakukan kemungkiran atau melanggar mana-mana perjanjian, waad, ketetapan, terma dan peraturan dalam perjanjian ini yang mana perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pemegang Kad; atau

- (iii) jika petisyen kebangkrutan dikemukakan atau perintah dibuat bagi mana-mana pengadilan dan/atau perintah penerimaan terhadap Pemegang Kad; atau
- (iv) jika penyitaan atau pelaksanaan atau proses lain bagi mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten dikenakan atau dikeluarkan terhadap mana-mana harta Pemegang Kad dan penyitaan, pelaksanaan atau proses mengikut mana-mana keadaan, tidak diselesaikan oleh Pemegang Kad dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh perintah tersebut; atau
- (v) jika pemegang kad memberikan data palsu atau tidak tepat atau data yang disahkan tidak benar atau tepat; atau
- (vi) jika seorang penerima dilantik berhubung dengan aset Pemegang Kad atau mana-mana bahagiannya atau jika mesyuarat rasmi atau tidak rasmi diadakan oleh pemiutang Pemegang Kad atau salah seorang daripada mereka; atau
- (vii) jika Pemegang Kad membiarkan hutang Penghakiman yang diambil terhadapnya tidak dijelaskan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perintah tersebut (selain dari hutang penghakiman di mana Pemegang Kad mendapatkan penggantian perlaksanaannya dan memfailkan Notis Rayuannya dalam tempoh yang ditetapkan undang-undang); atau
- (viii) jika menurut pendapat mutlak Bank, Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express dan/atau Akaun Lain Pemegang Kad dengan Bank tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan; atau
- (ix) jika berlaku sesuatu kejadian atau wujud sesuatu situasi yang menurut budi bicara mutlak Bank menjejaskan keupayaan Pemegang Kad untuk melaksanakan kewajibannya di bawah Perjanjian ini atau menjejaskan kedudukan Bank (tanpa perlu sebab untuk mendedahkannya); atau
- (x) jika Pemegang Kad/Pemegang Kad Tambahan telah menggunakan kad kredit beliau untuk sebarangaktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidakterhad kepada pertaruhan dan perjudian dalam talian; atau
- (xi) jika Bank tidak mengetahui di mana Pemegang Kad berada; atau
- (xii) jika Pemegang Kad menjadi tidak siaman atau meninggal dunia

Fasal 4 (c):

Tanpa mengambilkira sebarang perkara, sama ada dimulakan oleh Pemegang Kad, Bank atau sebaliknya, jika dan apabila penggunaan Kad ditamatkan, kesemua baki tertunggak di dalam Akaun Kad perlu dijelaskan serta-merta dan dibayar kepada Bank dan kesemua transaksi dan/atau liabiliti yang didebit kepada Akaun Kad selepas tarikh penamatan tersebut termasuk semua faedah, fi dan caj perlu dibayar apabila ianya dimasukkan di dalam Akaun Kad.

Fasal 5 (a) & (b) – Kecurian atau Kehilangan Kad**Fasal 5 (a):**

Melainkan seperti yang diperuntukkan kemudian dari ini, Pemegang Kad akan dan tetap bertanggungjawab terhadap Bank atas mana-mana barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh kedai dan pendahuluan tunai yang dibuat melalui Kad sama ada penggunaan tersebut dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak. Pemegang Kad hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan Kad. Pemegang Kad mesti melaporkan dengan segera kepada Bank dan polis tentang mana-mana kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan Kad dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa, diikuti oleh pengesahan bertulis kepada Bank berserta salinan laporan polis. Pemegang Kad akan dan tetap bertanggungjawab terhadap Bank atas mana-mana barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh kedai dan pendahuluan tunai yang dibuat melalui Kad oleh mana-mana orang sebelum Bank menerima pengesahan bertulis daripada Pemegang Kad. Selepas menerima pengesahan bertulis dari Pemegang Kad, liabiliti maksimum Pemegang Kad untuk transaksi tanpa kebenaran akan dihadkan kepada RM250.00 kecuali pihak Bank dapat membuktikan bahawa Pemegang Kad telah bertindak secara fraud atau telah gagal memaklumkan kepada Bank mengenai Kad secepat mungkin sebaik sahaja menyedari bahawa kad kredit beliau telah hilang atau dicuri. Walau bagaimanapun, keputusan Bank hendaklah dianggap muktamad dan mengikat Pemegang Kad. Apabila Kad yang hilang atau dicuri itu ditemui, Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad tersebut dan mengembalikan Kad yang sama, dikerat dua kepada Bank sebaik sahaja ia ditemui.

Fasal 5 (b):

Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk mengeluarkan Kad Ganti kepada Pemegang Kad setelah hilang atau dicuri. Mana-mana Kad Ganti akan tertakluk kepada yuran Kad Ganti sebanyak RM50.00 (atau jumlah lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa).

Fasal 6 (a) & (b) – Penggantian/Pembaharuan Kad**Fasal 6 (a):**

Apabila tamat tempoh sah Kad atau apabila Kad hilang dan/atau dicuri atau setelah diketahui bahawa orang yang tidak diberi kuasa mendapat tahu tentang PIN, maka Pemegang Kad boleh meminta Bank untuk mengeluarkan Kad Ganti dan Bank berhak menurut budi bicara mutlaknya menerima atau menolak permintaan tersebut tanpa memberikan apa jua sebab.

Fasal 6 (b):

Sekiranya Kad Ganti dikeluarkan, keseluruhan Baki Semasa belum jelas dan semua butiran debit yang membentuk Baki Semasa dalam akaun kad MasterCard, Visa dan/atau American Express akan dipindahkan ke akaun kad MasterCard, Visa dan/atau American Express yang baru.

Fasal 7 – Had Pendahuluan Tunai, Pembelian dan Urusniaga

- (i) Apabila had kredit yang ditetapkan yang terpakai untuk agregat semua pembelian, pendahuluan tunai dan semua urusniaga lain oleh Pemegang Kad telah dimaklumkan kepada Pemegang Kad, maka Pemegang Kad tidak boleh melebihi had kredit ditetapkan melainkan Pemegang Kad mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu untuk melebihi had ini.
- (ii) Tanpa mengambil kira bilangan Kad, termasuk Kad Tambahan yang mungkin dikeluarkan kepada Pemegang Kad atau orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad (bagi Kad Tambahan), agregat bagi semua pembelian, pendahuluan tunai atau urusniaga yang dibuat melalui semua Kad tersebut tidak boleh melebihi had yang ditetapkan. Bagi Pemegang Kad, yang kepadanya dikeluarkan satu atau lebih Kad Tambahan, yang telah menentukan had kredit (yang dalam apa jua keadaan tidak melebihi had kredit ditetapkan kepadanya oleh Bank) kepada Pemegang Kad Tambahan dan telah memaklumkan had kredit yang ditentukan itu kepada Bank, maka agregat bagi semua pembelian, pendahuluan tunai atau urusniaga yang dibuat melalui Kad Tambahan tidak boleh melebihi had kredit yang ditentukan.
- (iii) Walaupun had kredit ditetapkan mungkin tidak dimaklumkan kepada Pemegang Kad, Bank boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknya menetapkan had tersebut untuk tujuan kawalan tanpa memberitahu Pemegang Kad.

- (iv) Bank boleh menurut budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa mengubah had kredit ditetapkan, dan melainkan dalam keadaan yang dinyatakan dalam Fasal 7 (iii), Bank boleh pada bila-bila masa memberi notis awal kepada Pemegang Kad tentang had kredit yang dikaji semula dan had kredit yang dikaji semula itu akan berkuat kuasa dari tarikh pemberitahuan Bank.
- (v) Tanpa menyentuh apa-apa yang tersebut di atas, Pemegang Kad bertanggungjawab atas semua tanggungannya termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pembelian, pendahuluan tunai dan urusniaga yang melebihi had kredit ditetapkan.
- (vi) Bank tidak berkewajipan dalam apa jua cara untuk memastikan had kredit ditetapkan atau had kredit ditentukan tidak dilebihi oleh Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan, mengikut mana-mana keadaan.
- (vii) Bank berhak menurut budi bicara mutlaknyanya untuk menolak urusniaga dan tanpa sebarang kewajipan untuk mendedahkan sebab penolakan urusniaga yang dilakukan ke atas akaun yang mempunyai baki kredit.

Fasal 8 - Yuran dan Caj Lain

Akaun Kad adalah tertakluk kepada yuran-yuran berikut yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank: -

- untuk membayar yuran tahunan bagi Kad dan setiap Kad Tambahan yang dikeluarkan atau diperbaharui;
- caj pengendalian perlu dibayar kepada Bank bagi pengeluaran Kad Ganti;
- caj tambahan perlu dibayar kepada Bank bagi pemberian salinan draf jualan/pendahuluan tunai dan mana-mana perkhidmatan selanjutnya yang mungkin diberikan oleh Bank dari masa ke semasa;
- yuran lebihan had sejumlah RM10 akan dikenakan setiap kali anda menggunakan kad kredit anda melebihi dari had kredit yang diberikan;
- fi nominal sebanyak RM2.00 (dikenali sebagai fi transaksi IBC) akan dicaj untuk setiap bayaran balik baki kredit atau pindahan dana yang dibuat melalui Interbank Giro (IBG).
- caj atau yuran lain yang tidak dijelaskan yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.
- untuk Kad Perniagaan Platinum, setiap cek yang dikeluarkan dari kad ini dan dikembalikan akibat kesilapan teknikal atau dana/wang tidak mencukupi, caj pentadbiran masing-masing sebanyak RM10 dan RM150 (atau sebarang caj yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) akan dikenakan dan dibayar oleh Pemegang Kad)

Semua yuran yang dibayar atau berkaitan dengan Kad kepada Bank tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan sekalipun.

Fasal 9 – Rekod Urusniaga

Bank berhak untuk menguruskan:

- (i) Mana-mana draf jualan, rekod urusniaga, baucar kredit, draf pengeluaran wang tunai dan/atau rekod bayaran lain yang mengandungi teraan atau cetakan lain bagi maklumat bercetak timbul pada Kad; dan/atau
- (ii) rekod pendahuluan tunai Bank atau mana-mana urusniaga yang dibuat melalui Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada urusniaga yang dibuat melalui pesanan mel atau telefon; sebagai bukti hutang yang ditanggung sewajarnya oleh Pemegang Kad yang akan didebitkan ke Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express walaupun mana-mana dokumen tersebut mungkin tidak mengandungi tandatangan Pemegang Kad. Hutang tersebut jika dikenakan dalam mata wang selain mata wang bil hendaklah, sebelum didebitkan ke Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express, ditukarkan kepada Mata wang Bil pada kadar tukaran seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank pada Tarikh Pencatatan. Pemegang Kad bersetuju bahawa rekod Bank bagi mana-mana urusniaga yang dibuat melalui Kad adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad untuk semua tujuan.

Fasal 10 (a) & (b) – Urusniaga ATM

Fasal 10 (a):

Untuk tujuan pengeluaran mana-mana pendahuluan tunai melalui ATM, Bank akan memberikan PIN bagi Kad yang dikeluarkan untuk Pemegang Kad. Pemegang Kad mesti tidak boleh mendedahkan PINnya kepada mana-mana orang lain dalam apa jua keadaan. PIN tersebut akan dikeluarkan dan dihantar kepada Pemegang Kad atas risiko Pemegang Kad sendiri. PIN tersebut amat sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang lain dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Pemegang Kad tidak sepatutnya menyimpan mana-mana rekod bertulis tentang PINnya di mana-mana tempat atau keadaan yang membolehkan mana-mana pihak ketiga menggunakan Kad tersebut. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi syarat ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan, yang mana Bank tidak akan bertanggungjawab terhadapnya. Pemegang Kad dengan ini mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan membebaskan Bank daripada semua tuntutan dan tanggungan daripada semua pihak, walau sesiapa jua, yang timbul akibat penggunaan yang tidak dibenarkan itu.

Fasal 10 (b):

Di mana kemudahan ATM telah digabungkan dalam Kad agar ia boleh digunakan untuk melakukan urusniaga perbankan (untuk akaun selain Akaun Kad) secara elektronik, dan di mesin wang automatik ("ATM"), terminal jualan atau selainnya. Penggunaan kemudahan tersebut tertakluk kepada Terma dan Syarat ATM Bank yang terpakai pada masa itu selain daripada Terma dan Syarat ini.

Fasal 11 – Urusniaga Luar Negara

Urusniaga Kad yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan didebitkan ke Akaun Pemegang Kad selepas ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh Visa International, MasterCard International dan/atau American Express pada hari pertukaran tersebut. Kadar pertukaran adalah tertakluk kepada yuran transaksi yang dikenakan oleh MasterCard International, Visa International dan/atau American Express, ditambah dengan kos pengurusan sebanyak 1% (atau jumlah seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa).

Fasal 12 (a), (b) & (c) – Penyata Akaun

Fasal 12 (a):

- (i) Penyata Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express akan diberikan kepada Pemegang Kad sebulan sekali atau secara berkala seperti yang dianggap sesuai oleh Bank ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan dengan ini dipersetujui bahawa semua Penyata tersebut hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari Tarikh Pencatatan.

- (ii) Setelah Penyata diterima, Pemegang Kad dianggap telah memeriksa semua butiran dalam Penyata.
- (iii) Pemegang Kad dengan ini dengan nyatanya berwaad dan mengaku janji dengan Bank bahawa adalah menjadi kewajipannya untuk melaporkan secara bertulis kepada Bank mana-mana kesilapan dalam Penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Pemegang Kad menerimanya atau dianggap telah menerima Penyata tersebut.
- (iv) Jika Pemegang Kad atas apa jua sebab tidak, dalam tempoh empat belas (14) hari yang disebut di atas, memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan dalam Penyata, maka Pemegang Kad akan dianggap telah menerima butiran yang terkandung dalam Penyata tersebut, yang dibuat hingga tarikh terakhir dalam Penyata sebagai benar dan keterangan muktamad bagi fakta yang terkandung di dalamnya dan Penyata tersebut hendaklah dianggap muktamad dan mengikat Pemegang Kad dan wakil guamannya dan penggantinya dan Pemegang Kad dengan itu dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa Penyata tersebut mengandungi kesilapan.

Fasal 12 (b):

Walaupun bayaran minimum perlu dibayar dan Tarikh Perlu Dibayar yang dijelaskan dalam Penyata Pemegang Kad, keseluruhan baki belum jelas dalam Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express termasuk caj kewangan dan caj pembayaran lewat akan menjadi terhutang dan perlu dibayar segera setelah Bank atau Pemegang Kad menamatkan penggunaan Kad di bawah peruntukan yang terpakai dalam Perjanjian ini.

Setelah penggunaan Kad ditamatkan, semua wang yang didebitkan ke Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express termasuk caj kewangan dan semua caj lain yang dinyatakan dalam perjanjian ini hendaklah segera dibayar (sebelum dan selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman).

Fasal 12 (c):

Walaupun Bank melaksanakan mana-mana haknya menurut perjanjian ini, caj kewangan dan caj pembayaran lewat pada kadar yang ditetapkan dalam Perjanjian ini dan dibayar menurut Fasal 14 (c) perjanjian ini, boleh terus dikenakan ke atas mana-mana jumlah wang yang masih terhutang dan belum dibayar setelah Bank melaksanakan mana-mana haknya dan jika penghakiman diperolehi berhubung dengan mana-mana jumlah di mana ditetapkan bahawa mana-mana jumlah wang yang akan dibayar kepada Bank, caj kewangan dan caj pembayaran lewat seperti yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dibayar kepada Bank dari tarikh penghakiman tersebut hingga tarikh pembayaran penuh jumlah tersebut seperti yang ditetapkan perlu dibayar kepada Bank.

Fasal 13 (a) & (b) – Pendahuluan Tunai**Fasal 13 (a):**

Pemegang Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai yang tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM200.00 atau jumlah seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya, melalui cara-cara berikut:

- (i) mengemukakan Kad di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA berserta keterangan tentang identitinya dan menandatangani rekod urusniaga yang perlu; atau
- (ii) menggunakan Kad di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi yang mempunyai perjanjian dengan Bank untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut (di mana jumlah bagi setiap pendahuluan akan seterusnya tertakluk kepada had pengeluaran harian terpakai oleh ATM seumpamanya);
- (iii) bagi semua urusniaga antara negara melalui ATM dan/atau mana-mana ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA, kadar tukaran (jika berkenaan) akan menjadi kadar tukaran yang diguna pakai yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya dan semua urusniaga tersebut tidak melanggang undang-undang yang wujud di negara di mana urusniaga tersebut dibuat.

Fasal 13 (b)

Caj kewangan akan terakru ke atas setiap pendahuluan tunai dari tarikh pendahuluan hingga pembayaran balik penuh pada kadar semasa sebanyak 18% setahun atau pada kadar seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya. Yuran sebanyak 5% atau kadar lain seumpamanya seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa akan dikenakan ke atas jumlah bagi setiap pendahuluan tunai (tertakluk kepada jumlah minima sebanyak RM20.00 atau jumlah seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) dan akan dicajkan kepada akaun kad anda.

Fasal 14 (a) – (c) – Caj Kewangan**Fasal 14 (a) (i):**

Setelah menerima Penyata bulanan, Pemegang Kad hendaklah membayar, pada atau sebelum Tarikh Perlu Dibayar yang dinyatakan dalam Penyata, Bayaran Minimum Perlu Dibayar atau sehingga Baki Semasa. Semua baki belum bayar dan transaksi belian runcit baru termasuk caj kewangan yang dikenakan kepadanya mengikut cara yang ditetapkan dalam Fasal 14 (a) (ii) dan caj pembayaran lewat yang dikenakan mengikut cara yang ditetapkan dalam Fasal 14 (c) perjanjian ini akan dibawa ke hadapan ke dalam Penyata berikutnya dan dimasukkan ke dalam Baki Semasa yang ditunjukkan dalam perjanjian ini sehingga penyelesaian penuh dan terakhir bagi baki belum dibayar tersebut.

Bayaran Minimum yang Perlu Dibayar ialah:

- (a) 5% daripada Baki Semasa serta mana-mana Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelumnya atau RM50.00, yang mana lebih tinggi (atau peratus atau jumlah lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa); atau
- (b) jika Baki Semasa melebihi had kredit ditetapkan atau had kredit ditentukan, jumlah yang melebihi had kredit ditetapkan atau had kredit ditentukan serta 5% daripada Baki Semasa serta mana-mana Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelumnya (atau peratus atau jumlah lain seumpamanya seperti mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa).

Fasal 14 (a) (ii):

Caj Kewangan akan dikira setiap hari dan pengiraan adalah berdasarkan:

- (i) Semua transaksi belian runcit baru akan bermula pada tarikh sejurus selepas Tarikh Perlu Dibayar selepas tempoh tanpa faedah selama dua puluh (20) hari (atau tempoh lain seumpamanya seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank) dari tarikh Penyata dengan syarat baki terdahulu telah dibayar sepenuhnya sebelum atau pada Tarikh Perlu Dibayar. Sebaliknya, faedah akan dikira dari Tarikh Transaksi bil diterima.
- (ii) Semua transaksi dan caj, yuran, kos dan perbelanjaan sampingan lain yang dikenakan kepada Pemegang Kad berhubung dengan penggunaan Kad, bermula pada tarikh pencatatan masing-masing.

- (iii) Baki belum dibayar atau baki yang dibawa ke hadapan daripada Penyata sebelumnya, bermula pada tarikh berkenaan pengiraan caj kewangannya seperti yang ditetapkan dalam (i) dan (ii) di atas.
- (iv) Semua pendahuluan tunai, bermula dari tarikh tarikh pendahuluan dibuat sehingga pembayaran balik sepenuhnya pada kadar 18% setahun atau pada kadar yang mungkin ditetapkan oleh Bank mengikut budi bicaranya.

Kadar Faedah Kewangan adalah berdasarkan perilaku pembayaran balik setiap kad bagi 12 bulan berturut-turut.

Perilaku pembayaran balik Pemegang Kad untuk 12 bulan yang lepas	Kadar Faedah Kewangan untuk bulan ke 13
Bayar tepat untuk seluruh 12 bulan	13.5% setahun
Bayar tepat untuk 10 atau 11 bulan	16.0% setahun
Pemegang Kad yang tidak memenuhi kriteria di atas	17.5% setahun

Caj Kewangan yang dikira pada kadar dan mengikut cara yang ditetapkan dalam Fasal 14(a)(ii) ini hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad sebelum dan juga selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman sehingga penyelesaian penuh dan terakhir bagi jumlah yang perlu dibayar.

Fasal 14 (a)(iii):

Jika Pemegang Kad gagal membayar Bank Bayaran Minimum Perlu Dibayar, Bank berhak untuk menamatkan penggunaan Kad dan peruntukan Fasal 12(b) dan (c) akan terpakai.

Fasal 14 (b):

Semua pembayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai yang dibuat melalui Kad dan semua yuran tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, caj kewangan dan/atau caj pembayaran lewat dan mana-mana yuran dan caj lain yang berkaitan akan didebitkan ke Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express dalam mata wang bil dan akan ditunjukkan dalam Penyata. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan Fasal 26, Bank berhak mengikut budi bicara mutlakanya dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad untuk mengubah kadar atau cara pengiraan yuran tahunan, caj pengendalian, caj kewangan, bayaran minimum perlu dibayar dan/atau caj pembayaran lewat dan mana-mana yuran dan caj lain yang berkaitan dari masa ke semasa.

Fasal 14 (c):

Semua caj kewangan yang belum dibayar dan caj pembayaran lewat hendaklah, pada tarikh setiap Penyata atau pada selang masa lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya, dimodalkan dan ditambah ke jumlah pokok yang terhutang pada masa itu dan kemudian menanggung caj kewangan dan caj pembayaran lewat pada kadar yang disebut sebelumnya, sebelum dan juga selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman, sehingga penyelesaian penuh dan terakhir.

Fasal 15 – Caj Pembayaran Lewat

Tanpa mengambilkira Fasal 14(a)(iii), jika Pemegang Kad gagal menjelaskan jumlah amaun perlu dibayar (bayaran minimum, bayaran tunggakan dan jumlah lebih had) pada Tarikh Perlu Bayar, caj pembayaran lewat minimum sebanyak RM5.00 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM50.00, akan dicaj untuk setiap bulan selagi bayaran minimum tersebut belum dijelaskan. Caj pembayaran lewat akan dianggap sebagai kerugian liquiditi dan bukan sebagai penalti. Apabila penggunaan Kad ditamatkan, caj pembayaran lewat akan terus dikenakan untuk setiap bulan, sebelum dan selepas perintah mahkamah sehingga pembayaran penuh dibuat.

Fasal 16 – Baki Akaun Perlu Dibayar

Bank akan menutup Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express Pemegang Kad setelah penggunaan Kad ditamatkan atau pada bila-bila masa selepas itu yang dianggap sesuai. Berhubung dengan fasal berkenaan Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express Pemegang Kad tersebut dan di mana baki kredit masih ada, perkara berikut akan diguna pakai;

- (i) di mana Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express mempunyai mana-mana jumlah baki kredit, Bank akan memastikan pembayaran balik bakinya dihantar melalui pos atau mana-mana cara lain kepada Pemegang Kad secara Perintah Juruwang atau Draf Bank atau mod pembayaran lain seperti yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
- (ii) Bank di atas budi bicara mutlakanya boleh menolak pembayaran balik wang ke dalam Akaun yang masih di dalam kredit dan boleh meminta bukti untuk menunjukkan bagaimana Akaun berada dalam kredit untuk membolehkan pembayaran balik dibuat. Adalah menjadi tugas Pemegang Kad untuk mengemukakan semua bukti berkaitan dengan Akaun dan Bank dibenarkan untuk mengesahkan bukti berkenaan untuk kepuasan dengan mana-mana pihak yang dianggap sesuai dan keputusan Bank adalah muktamad dan mengikat.

Fasal 17 – Permohonan Pembayaran

Semua pembayaran kepada Bank mestilah dibuat dalam mata wang bil. Pembayaran oleh Pemegang Kad kepada Bank tidak akan dianggap telah dibuat sehingga dana berkenaan telah diterima untuk penilaian oleh Bank. Semua pembayaran melalui cek mestilah termasuk komisyen pertukaran dalam negeri jika berkenaan. Jika komisyen pertukaran dalam negeri tersebut tidak dimasukkan, maka Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express atau melaksanakan haknya untuk membuat tolakan di bawah Fasal 21 perjanjian ini seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Pembayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada Bank sama ada didebitkan terus dari Akaun Lain Pemegang Kad atau dengan cara lain akan terpakai mengikut aturan berikut atau aturan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya:

- (i) untuk membayar semua caj kewangan; dan
- (ii) untuk membayar semua caj pembayaran lewat; dan
- (iii) untuk membayar semua yuran lain termasuk yuran guaman (berdasarkan tanggung rugi penuh) dan caj lain; dan
- (iv) akhirnya untuk membayar balik semua jumlah pokok.

Fasal 18 – Pengecualian

Penerimaan pembayaran lewat atau pembayaran sebahagian atau cek atau kiriman wang oleh Bank yang ditanda sebagai mengandungi pembayaran penuh atau mana-mana pengecualian hak Bank atau kelonggaran yang diberi kepada Pemegang Kad tidak menghalang Bank dari menguatkuasakan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini untuk mengutip jumlah yang perlu dibayar menurut perjanjian ini atau

penerimaan seumpamanya tidak akan dianggap sebagai kebenaran untuk mengubah Perjanjian ini dalam apa jua keadaan.

Fasal 19 – Pembayaran Melalui Cek

Pembayaran yang dibuat melalui cek oleh Pemegang Kad, sekiranya tidak diterima, cek akan dikembalikan oleh penghantar atau melalui pos kepada Pemegang Kad di alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui yang didaftarkan dalam rekod Bank dan atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Kad itu sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad jika cek yang tidak diterima hilang dalam perjalanan.

Fasal 20 (a), (b) & (c) – Kad Tambahan

Fasal 20 (a):

Bank boleh mengeluarkan Kad Tambahan kepada sesiapa yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan dan diluluskan oleh Bank, dengan syarat bahawa penggunaan Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tertakluk kepada terma dan syarat yang sama dalam perjanjian ini.

Fasal 20 (b):

Walaupun Kad Tambahan mungkin mempunyai nombor Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express yang berlainan dan mempunyai hak kredit yang ditentukan secara berasingan, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab kepada Bank bagi penggunaan Kad Tambahan di bawah terma Perjanjian ini. Bank tidak akan membuat Pemegang Kad Tambahan bertanggungjawab secara bersama atau berasingan ke atas hutang Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan lain tetapi Pemegang Kad Tambahan tetap bertanggungjawab ke atas baki belum dibayar pada Kad Tambahannya. Setelah penggunaan Kad ditamatkan di bawah mana-mana keadaan atau atas permintaan Pemegang Kad, penggunaan semua Kad Tambahan juga akan ditamatkan. Di mana hanya salah satu daripada Kad Tambahan dibatalkan, Pemegang Kad boleh secara bertulis menasihatkan Bank sewajarnya. Kad Tambahan tersebut hendaklah dikerat dua dan dikembalikan oleh Pemegang Kad, jika gagal Bank hendaklah dikecualikan daripada apa-apa liabiliti atau kerugian akibat daripada Kad Tambahan tersebut digunakan oleh mana-mana pihak yang berkenaan. Jika Penggunaan Kad Tambahan ditamatkan, tidak semestinya menamatkan penggunaan Kad.

Fasal 20 (c):

Semua terma dan syarat yang terpakai kepada Pemegang Kad dalam perjanjian ini akan terpakai mutatis mutandis (iaitu dengan perubahan yang perlu) kepada Pemegang Kad Tambahan dan untuk tujuan tersebut istilah "Pemegang Kad" dan "Kad" hendaklah dibaca dan ditafsir seolah-olah istilah "Pemegang Kad Tambahan" dan "Kad Tambahan" digantikan padanya. Sebagai tambahan kepada di atas, Pemegang Kad Tambahan mengesahkan bahawa tandatangannya yang diturunkan mengikut cara yang ditetapkan dalam Fasal 3 (a) dan/atau penggunaan Kad Tambahan dan/atau pemulangan slip resit pengesahan akan mengikat dan menjadi keterangan muktamad mengenai Pemegang Kad Tambahan memasuki Perjanjian dengan Bank dan menerima terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini.

Fasal 21 – Tolakan

Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh, mengikut budicara Bank dengan notis awal, menyatu dan menggabung semua atau mana-mana akaun Pemegang Kad dengan Bank, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau matawang lain, dan menjelaskan atau memindahkan sebarang jumlah yang ada untuk mengkredit mana-mana akaun tersebut termasuk akan bersama di mana akaun bersama tersebut adalah di atas nama Pemegang Kad Prinsipal dan Pemegang Kad Tambahan di dalam atau untuk melunaskan semua jumlah terhutang kepada Bank di dalam mana-mana akaun Pemegang Kad dengan Bank, walau apa jua jenisnya dan di mana sahaja ia berada, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau matawang lain dan boleh berbuat demikian tanpa mengambilkira baki di dalam akaun tersebut dan jumlah terhutang mungkin bukan di dalam matawang yang sama, dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank menguatkuasakan sebarang gabungan pelunasan atau pemindahan dengan pertukaran sewajarnya pada kadar tukaran Bank atau di dalam kes tertentu, kadar semasa Hong Leong Bank Berhad yang akan ditentukan oleh bank mengikut budibicara mutlaknya, di mana berkaitan, sebagaimana diperlukan.

Fasal 22 – Tanggung Rugi

Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos guaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara dan anak guam), kerugian, kerosakan, caj, tuntutan dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank untuk menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan Perjanjian ini atau untuk memperoleh atau cuba memperoleh pembayaran bagi semua atau mana-mana bahagian wang yang terhutang oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad seterusnya mengaku janji untuk membebaskan dan menanggung rugi Bank terhadap mana-mana tanggungan bagi kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya) yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan Pemegang Kad melanggar mana-mana syarat dalam perjanjian ini, mana-mana tuntutan berkenaan dengan kad oleh pihak ketiga atau penggunaannya atau penguatkuasaan ke atas haknya. Mana-mana jumlah perlu dibayar oleh Pemegang Kad ke atas akaun kad atau Fasal ini akan didebitkan ke akaun kad.

Fasal 23 – Force Majeure

Tanpa perjudis ke atas mana-mana peruntukan Perjanjian ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada kewajibannya di bawah Perjanjian ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung kegagalan mana-mana peranti mekanik atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, mana-mana tindakan di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh mana-mana faktor force majeure. Jika Bank tidak dapat memberikan Penyata kepada Pemegang Kad menurut fasal 12 perjanjian ini, untuk mana-mana tempoh tanggungan Pemegang Kad untuk caj kewangan dan bayaran lain, walau bagaimanapun, akan terus terakru dan untuk tujuan pengiraan faedah yang perlu dibayar kepada Bank atau menentukan tarikh perlu dibayar bagi pembayaran faedah dan jumlah pokok, Bank boleh memilih mana-mana hari dalam bulan tersebut sebagai tarikh penyata bulanan.

Fasal 24 (a) & (b) – Penolakan Tuntutan

- (a) Ianya adalah dipersetujui dan diperakui oleh semua pihak dalam perjanjian ini bahawa Bank, AMEX, MasterCard International dan/atau VISA tidak akan menanggung atau bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dan/atau sesiapa sahaja bagi mana-mana kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh orang berkenaan yang timbul akibat atau berhubung dengan pengeluaran, pengeluaran wang/pengantungan/penamatan atau penggunaan Kad dan/atau dokumen berkaitan dan sama ada berpunca daripada atau disebabkan oleh mana-mana tindakan atau kecuaihan Bank melainkan dalam keingkaran sengaja oleh Bank, AMEX, MasterCard International dan/atau VISA.
- (b) Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan apa yang dinyatakan sebelum ini, Bank tidak akan, walau apa jua sebab, bertanggungjawab bagi kerosakan yang ditanggung atau kerugian oleh Pemegang Kad dalam apa jua keadaan sekalipun samada keadaan tersebut berkait dengan atau timbul dari perjanjian ini atau

tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab Kad tidak diterima oleh mana-mana kedai, orang atau organisasi atas mana-mana sebab, tidak diterima oleh mana-mana bank atau mana-mana ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA untuk pendahuluan tunai, penolakan Kad oleh mana-mana ATM, tidak boleh diperbaharui, penyekatan atau pembatalan had kredit atau kemudahan, penyenaraian nombor Kad tersebut dalam mana-mana senarai pembatalan atau mana-mana keadaan lain.

Fasal 25 – Tidak ada Agensi atau Perkongsian

Bank tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana kedai atau ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA tidak bersetuju untuk menerima Kad atau jika barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan untuk Pemegang Kad oleh mana-mana kedai rosak atau tidak memuaskan. Sebarang aduan oleh Pemegang Kad mestilah diselesaikan secara langsung dengan kedai atau ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA berkenaan dan tiada tuntutan terhadap kedai atau institusi ahli AMEX, MasterCard International dan/atau VISA boleh ditolak atau dituntut balas terhadap Bank. Selain itu, Pemegang Kad tidak boleh mengemukakan pembayaran kepada Bank disebabkan oleh mana-mana aduan tersebut atau dalam apa jua keadaan.

Fasal 26 – Pindaan

Bank berhak untuk menambah, menggugurkan, mengubah atau meminda mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa dengan notis awal kepada Pemegang Kad. Semua perubahan akan berkuatkuasa pada tarikh tersebut seperti yang dipilih oleh Bank. Bank boleh mengikut budi keranya, mengesposkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambah, pindaan atau pertukaran terma dan syarat ini. Perubahan ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dan akan tertakluk ke atas semua baki peribayar di dalam Akaun American Express, MasterCard dan/atau Visa. Pengalangan atau penggunaan Kad oleh Pemegang Kad selepas tarikh kuatkuasa yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap bahawa Pemegang Kad telah menerima dan bersetuju mengenai perubahan tersebut.

Fasal 27 – Pengasingan

Jika mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan di bawah mana-mana undang-undang, maka kesahihan, kepatuhan undang-undang dan penguatkuasaan bagi peruntukan selebihnya tidak akan terjejas dalam apa jua cara sekalipun.

Fasal 28 (a), (b) & (c) – Fasal-fasal Deklarasi dari Pemegang Kad

Fasal 28 (a):

Atas permohonan kad kredit, pemegang kad mengaku dan bersetuju bahawa:

(i) semua maklumat yang diberi di atas adalah benar dan tepat; (ii) Hong Leong Bank Berhad ("HLBB") diizinkan mengesahkan maklumat tersebut dengan mana-mana sumber dan dengan cara yang difikirkan sesuai; (iii) saya mengaku bahawa saya terikat dengan syarat dan peraturan yang berkaitan dengan penggunaan Kad HLBB MasterCard, Visa, American Express, Kad Kredit Mobile dan/atau Touch 'n Go Sdn Bhd; (iv) bahawa pinjaman saya dari sumber di Malaysia tidak melebihi agregat RM200,000 (tertakluk kepada pemohon bukan warga Malaysia sahaja); (v) saya dengan ini memberi kebenaran kepada HLBB untuk mengguna, mendedah dan bertukar sebarang maklumat berkaitan urusan, akaun perbankan atau tindakan saya selepas ini (termasuk kedudukan kredit saya) kepada dan daripada mana-mana pihak yang dianggap wajar oleh HLBB termasuk tanpa had kepada Bank Negara Malaysia (BNM), Biro Maklumat Cek, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa mana-mana biro/pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas HLBB atau sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, arahan atau garis panduan (sama ada dikuatkuasakan oleh undang-undang atau tidak), syarikat yang berkaitan dengan HLBB melalui Seksyen 6, Akta Syarikat 1965, para peguam HLBB atau mana-mana penyedia perkhidmatan, agen kutipan hutang, mana-mana pihak sekuriti atau pihak ketiga tanpa memberikan saya sebarang notis mengenainya dan untuk tujuan yang dianggap wajar atau perlu menurut budi bicara HLBB berhubung permohonan, agihan dan peruntukan produk dan perkhidmatan; (vi) saya faham bahawa pelaksanaan urusan perniagaan yang dikendalikan melalui persekitaran terencil yang tertentu, termasuk Internet melalui kegunaan Kad Kredit HLBB mobile tertakluk kepada caj-caj dan komisen-komisen terkini yang mungkin berubah dari masa ke semasa atas pertimbangan HLBB dan/atau Mobile Money; (vii) di mana saya telah menghantar secara faks atau menghantar borang permohonan kad kredit kepada HLB melalui emel, saya bersetuju bahawa salinan faks atau imbasan borang permohonan tersebut akan dianggap sebagai salinan asal untuk tujuan pemrosesan, yang mengandungi infomasi yang benar dan tepat. Salinan faks dan semua urusan niaga kad yang berbangkit dalam permohonan ini adalah sah, saya akan menyimpan permohonan yang asal sepanjang masa dan akan memberikan kepada pihak bank apabila diminta; (viii) sekiranya maklumat yang saya kemukakan adalah tidak tepat atau tersilap, maka akan menyebabkan penepian semua hak pertikaian saya dan saya akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh pihak HLBB.

Fasal 28 (b):

Perbankan dan Akta Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) serta Panduan BNM bagi Pihak-pihak berkaitan. Bagi membolehkan Bank mematuhi BAFIA dan Panduan BNM, Pemohon Kad seharusnya mengisytiharkan kepada Bank sama ada terlibat pada mana-mana pihak. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada seorang suami/isteri anak, induk atau bergantung kepada seorang Pengarah HLBB, Pegawai Eksekutif, Pegawai Kredit atau pelanggan perniagaan/korporat, tertakluk kepada satu entiti terkawal oleh pihak HLBB seperti tertera di atas. Sekiranya Pemohon Kad adalah berkait dengan mana-mana pihak di atas, maka seharusnya memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan segera. Pihak Bank berhak untuk membatalkan segala kemudahan sekiranya peminjan gagal mengisytiharkan yang berkenaan, yang akan mengakibatkan pihak Bank melanggar BAFIA atau Panduan yang berkaitan.

Fasal 28 (c):

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara fasal deklarasi dan Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad, maka versi yang terbaru akan digunakan

Fasal 29 (a), (b) & (c) – Pendedahan

Fasal 29 (a):

Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan kepada mana-mana kedai, mana-mana pegawai Bank dan ahli institusi AMEX, MasterCard International dan/atau VISA dan/atau mana-mana orang atau entiti dan/atau mana-mana pihak lain yang berminat (termasuk pihak ketiga yang mana Kad tersebut dikeluarkan secara bersama atau gabungan) maklumat berkenaan dengan Akaun Kad MasterCard, Visa dan/atau American Express dan Akaun lain Pemegang Kad dan mana-mana maklumat lain yang mungkin

perlu untuk memudahkan penggunaan Kad, pemrosesan mana-mana urusan dibuat melalui Kad atau dengan tujuan untuk mendapatkan semula mana-mana wang perlu dibayar dan terhutang daripada Pemegang Kad kepada Bank.

Fasal 29 (b):

Bank mempunyai hak untuk menyemak kedudukan kredit pemohon Kad dan/atau menyemak kedudukan kredit Pemegang Kad pada bila-bila masa, semasa dan apabila dianggap sesuai oleh Bank tanpa merujuknya. Pemegang Kad bersetuju untuk mendedahkan maklumat tersebut yang berkaitan dengan Pemegang Kad kepada mana-mana Bank dan/atau institusi kewangan dan/atau Pusat Biro Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau AMEX dan/atau MasterCard International dan/atau VISA atau penggantinya seperti yang berkaitan berhubung dengan pertanyaan berkenaan dengan kedudukan kredit Pemegang Kad dan pendedahan nombor Kad yang baru, yang diperbaharui atau diganti kepada kedai dan sesiapa sahaja.

Fasal 29 (c):

HLB berhak untuk mendedah, mengguna atau mendapatkan mana-mana maklumat tentang saya/kami, akaun-akaun bank atau yang berkaitannya (termasuk kedudukan kredit saya) kepada dan/atau dari sesiapa sahaja yang dirasakan perlu oleh HLB tanpa had kepada Bank Negara Malaysia, Biro Maklumat Cek, Central Credit Reference Information System (CCRIS), mana-mana badan/pihak berkuasa yang mempunyai perundangan ke atas HLB atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang, arahan atau garis panduan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya), syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan dengan HLB mengikut seksyen 6, Akta Syarikat 1965, para peguam HLB, penyedia perkhidmatan, ejen-ejen pemungut hutang, pihak sekuriti atau mana-mana pihak ketiga (yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan) mengikut pertimbangan dan budi bicara HLB.

Fasal 30 – Dokumen Lanjutan

Pemegang Kad mengaku janji akan menandatangani dokumen lanjutan seumpamanya yang mungkin dikehendaki oleh Bank dari masa ke semasa dan Pemegang Kad dengan ini berwaad dan bersetuju bahawa mengikut ketentuan Bank, dokumen lanjutan tersebut mungkin akan dianggap telah berkuatkuasa secara retrospektif.

Fasal 31 – Penyerahan

Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk menyerahkan sepenuhnya atau mana-mana bahagian daripada hak dan kewajipannya di bawah Perjanjian ini.

Fasal 32 (a) & (b) – Penghantaran Notis**Fasal 32 (a):**

Pemegang Kad dengan ini bersetuju dengan penghantaran mana-mana notis di bawah Perjanjian ini atau mana-mana proses mahkamah melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan penghantaran tersebut akan dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas penghantaran. Penghantaran proses mahkamah juga boleh berkuat kuasa melalui mana-mana cara yang dibenarkan oleh undang-undang.

Fasal 32 (b):

Pemegang Kad mestilah dengan segera memberitahu Bank secara bertulis atau menerusi Pusat Perkhidmatan Pelanggan bagi mana-mana perubahan pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat dan/atau kediaman) atau jika Pemegang Kad berhasrat untuk ke luar negara lebih daripada 60 hari.

Fasal 33 – Perakuan Keterangan Muktamad

Perakuan oleh pegawai Bank tentang jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank pada masa itu daripada atau oleh Pemegang Kad akan menjadi keterangan muktamad terhadap Pemegang Kad dalam mana-mana prosiding undang-undang. Sebarang penghakiman yang diperolehi semula oleh Bank terhadap Pemegang Kad berhubung dengan keterhutangan akan mengikat dan muktamad di semua mahkamah undang-undang di Malaysia dan di tempat lain.

Fasal 34 – Penggantungan Akaun

Untuk tujuan membolehkan Bank memelihara tanggungan bagi pihak termasuk Pemegang Kad sebaik sahaja writ saman dikeluarkan atau kebancrapan dibuktikan atau Pemegang Kad tidak mampu menjelaskan atau untuk mana-mana sebab seperti yang dianggap sesuai oleh Bank, Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat bagi tempoh berkenaan, seperti yang dianggap wajar oleh pihak Bank menyimpan mana-mana wang yang diterima, dituntut balik atau diperolehi menurut perjanjian ini atau di bawah mana-mana cagaran atau jaminan lain yang dikreditkan ke akaun berasingan atas nama Pemegang Kad seperti yang dianggap sesuai oleh Bank tanpa kewajipan segera oleh Bank untuk mengguna pakai perkara yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya untuk membayar jumlah perlu dibayar dan terhutang kepada Bank.

Fasal 35 – Perlantikan Ejen

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan haknya di bawah Perjanjian ini, Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlak, melantik ejen mengikut pilihannya sendiri untuk mengutip semua dan mana-mana jumlah perlu dibayar kepada Bank daripada Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini.

Fasal 36 – Peringatan SMS

Bank berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak, menghantar peringatan kepada Pemegang Kad berkenaan amaun Baki Semasa (Bayaran Minimum Perlu Dibayar) dan Tarikh Perlu Dibayar ("Peringatan"), Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") melalui telefon bimbit Pemegang Kad (jika disokong oleh syarikat telekomunikasi Pemegang Kad), tertakluk kepada terma dan caj berkaitan oleh pengendali telefon. Penerimaan setiap Peringatan mungkin lewat atau dihalang oleh faktor (-faktor) yang berkaitan dengan pembekal perkhidmatan atau syarikat telekomunikasi atau pasaran matawang yang berkaitan atau faktor lain. Bank tidak menjamin penghantaran, ketidakhantaran mahupun ketepatan isi kandungan setiap Peringatan dan tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga untuk kerugian atau kerosakan yang timbul kerananya. Bank berhak untuk mengubah atau menamatkan Peringatan kepada Pemegang Kad mengikut budi bicara mutlak Bank.

Fasal 37 – Pengawasan dan Rakaman Telefon

Pihak Bank berhak mengawas and merekod untuk tujuan sendiri, mana-mana panggilan yang dibuat dengan Pemegang Kad menurut budi bicara Bank tanpa sebarang notis kepada Pemegang Kad atau persetujuan daripada Pemegang Kad.

Fasal 38 – Pengganti

Perjanjian ini akan mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Pemegang Kad dan juga Bank.

Fasal 39 – Pembaharuan Bank

Kewajipan dan tanggungan Pemegang Kad akan tetap sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun mana-mana perubahan yang dibuat melalui penyatuan, pembaharuan atau selainnya yang mungkin dibuat dalam mewujudkan Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank pada masa itu diteruskan dan boleh digunakan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan pada masa itu.

Fasal 40 – Masa Adalah Asas

Masa, pada bila-bila disebutkan, merupakan perkara asas dalam Perjanjian ini tetapi kegagalan Bank untuk melaksanakan dan lewat dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan di bawah Perjanjian ini tidak boleh bertindak sebagai pengecualian, mahupun mana-mana satu atau sebahagian pelaksanaan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan menghalang mana-mana pelaksanaan lain atau seterusnya untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam perjanjian ini adalah terkumpul dan tidak khusus bagi mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Fasal 41 – Undang-undang yang Terpakai

Perjanjian ini akan dianggap sebagai kontrak di bawah undang-undang Malaysia dan untuk semua tujuan akan dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan arahan daripada badan berkuasa dan pihak-pihak dalam perjanjian ini dengan ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa tanpa eksklusif Mahkamah Malaysia atau mahkamah lain dengan kompeten seumpamanya di mana Bank mengikut budi bicara mutlaknya memilih untuk patuh dan seterusnya bersetuju bahawa penghantaran mana-mana proses perundangan mungkin berlaku mengikut cara yang ditetapkan dalam perjanjian ini. Bank mengikut budi bicara mutlaknya memilih untuk memfailkan prosiding undang-undang, memulakan dan melengkapkan prosiding undang-undang kepada Pemegang Kad di mahkamah-mahkamah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau di Negeri Selangor, tanpa bergantung kepada tempat tinggal, tempat bekerja atau tempat di mana Kad dikeluarkan kepada Pemegang Kad.

1. Pelan Pembayaran Lanjutan (EPP) ini dibuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Utama dan Tambahan ("Pemegang Kad") Hong Leong Bank Berhad ("HLB"), kecuali Pemegang Kad American Express HLB.
2. EPP disediakan kepada Pemegang(-pemegang) Kad yang mempunyai akaun Kad Kredit dalam kedudukan yang baik ("tidak mungkir") dengan HLB semasa memohon EPP.
3. EPP boleh didapati, kecuali dinyatakan sebaliknya.
4. Pemegang(-pemegang) Kad dibenarkan untuk memohon sehingga maksimum 80% daripada gabungan had kredit Pemegang(-pemegang) Kad untuk urusaniaga EPP, tanpa mengira bilangan kad kredit HLB yang dipegang.
5. Pemegang(-pemegang) Kad boleh memohon EPP dengan mengisi Borang Kebenaran Debit Terus atau mana-mana kaedah lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa.
6. Dalam permohonan kepada HLB, Pemegang Kad boleh memilih tempoh pegangan EPP; sama ada Pelan 3, 6, 12, 18, 24 atau 36 Bulan (Hanya untuk pelan yang ditawarkan oleh pedagang).
7. Amaun minimum pembelian yang layak untuk penukaran di bawah EPP adalah seperti yang tertera dalam Borang Kebenaran Debit Terus. Amaun ini dan tempoh pegangan EPP mungkin diubah oleh HLB dari masa ke semasa atas budi bicaranya.
8. Pemegang(-pemegang) Kad yang menggunakan penambahan sementara had kredit pada Kad Kredit untuk urusaniaga EPP akan dicaj dengan satu yuran tambahan apabila tamat tempoh penambahan sementara had kredit jika terdapat mana-mana pembayaran belum jelas dalam had kredit kekal mereka.
9. Apabila permohonan EPP diluluskan oleh HLB, amaun EPP penuh bersama dengan yuran pemprosesan (jika berkenaan) akan ditolak dari had kredit sedia ada Pemegang(-pemegang) Kad. Permohonan untuk EPP yang ditetapkan di atas akan dianggap sebagai satu persetujuan Pemegang(-pemegang) Kad untuk mematuhi terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
10. Satu urusaniaga EPP baru akan dibentuk dan Kadar Faedah 0% EPP akan dicajkan ke atas amaun EPP sehingga tamat tempoh pegangan EPP masing-masing. Kemudiannya, kadar faedah biasa 18% setahun akan dicaj ke atas mana-mana baki dalam urusaniaga EPP sehingga tarikh pembayaran balik sepenuhnya.
11. Sekiranya akaun (-akaun) Kad Kredit Pemegang(-pemegang) Kad digantung atau ditamatkan pada bila-bila masa, Kadar Faedah 0% EPP akan ditarik balik dan kadar faedah biasa 18% setahun akan dicaj ke atas baki belum jelas sehingga pembayaran balik sepenuhnya.
12. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kekurangan, kerosakan atau kecacatan barangan atau dilibatkan dalam mana-mana pertikaian Pemegang(-pemegang) Kad dengan pedagang. Walaupun terdapat pertikaian antara Pemegang(-pemegang) Kad dengan pedagang, Pemegang(-pemegang) Kad akan terus membayar amaun bulanan yang perlu dibayar seperti dalam penyata kepada akaun (-akaun) Kad Kredit Pemegang(-pemegang) Kad.
13. HLB berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan EPP tanpa menjelaskan apa-apa sebab. Kelulusan mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat lanjut yang dikenakan oleh HLB mengikut budi bicaranya.
14. HLB juga berhak untuk menarik balik Kadar Faedah 0% EPP jika Pemegang(-pemegang) Kad melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat EPP dan juga terma dan syarat-syarat lazim yang diguna pakai dalam Perjanjian Pemegang Kad MasterCard dan/atau Visa HLB.
15. HLB berhak untuk menambah, meminda, memperbaiki, menukar atau mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat EPP ini dengan notis awal. HLB boleh yang demikian, mengikut budi bicaranya, mengesposkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambahan, pengubahsuaian atau pindaan terma dan syarat ini.
16. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

1. ("Program") "Pindah Baki" ini dibuka kepada semua Pemegang Kad Utama Kad Kredit Hong Leong Bank yang baru ataupun yang sedia ada. ("Ahli (-ahli) Kad") yang berumur 21 tahun ke atas atau merupakan Ahli (-ahli) Kad utama kad (-kad) kredit/kad (-kad) caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan Malaysia yang lain dan/atau syarikat-syarikat kad kredit/kad caj yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia dan diluluskan oleh Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dimana pernyataan bil adalah dalam Ringgit Malaysia.
2. Pemohon (-pemohon) baru dikehendaki menghantar borang permohonan pindahan baki ("Borang Permohonan PB") yang telah dilengkapkan bersama dengan borang permohonan kad kredit yang berkaitan. Ahli – ahli kad tersedia hanya perlu menghantarkan borang permohonan PB.
3. HLB berhak untuk melulus dan menolak permohonan yang dihantar seseorang pemohon atau Ahli (-ahli) Kad di bawah Program tersebut tanpa memberi sebarang alasan. Kelulusan permohonan tertakluk kepada syarat and peraturan yang ditetapkan oleh HLB atas budi bicara mutlakny.
4. Ahli (-ahli) Kad boleh memohon untuk memindahkan baki tertunggak (termasuk jumlah prinsipal, faedah terakru, caj pembiayaan dan caj-caj lain yang tertera dalam akaun/penyata terkini yang berkaitan) yang tidak melebihi tiga (3) akaun kad kredit ("Baki-baki Tertunggak") yang dipegang oleh Ahli (-ahli) Kad bersama dengan institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat kad kredit yang lain ("Akaun (-akaun) Kad Yang Lain") ke akaun pindahan baki yang diluluskan oleh pihak HLB ("Akaun PB").
5. Amaun minima untuk pindahan baki ("PB") ialah RM 1,000.00 dan amaun maksima akan ditentukan oleh pihak HLB atas budi bicara mutlakny. Bagi Pelan S, amaun minima untuk PB ialah RM 3,000.00.
6. Pihak HLB akan memberitahu Ahli (-ahli) Kad secara bertulis sama ada permohonan PBnya telah diluluskan untuk PB ("Amaun PB Diluluskan"). Sebalik sahaja Amaun PB diluluskan ditetapkan, jumlah amaun yang bersamaan dalam had kad kredit Ahli (-ahli) Kad akan ditandakan untuk tujuan tersebut dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya.
7. Yuran nominal ("Yuran Pengendalian") sebanyak RM2.00 akan dicajkan untuk setiap transaksi antara Interbank GIRO (IBG).
8. Pemegang Kad boleh memilih mana-mana Kadar Faedah Istimewa pada (a), (b), (c), (s) dan Pindahan Baki 6.99% setahun sepanjang hayat di bawah. Apabila Amaun PB diluluskan dan dipindahkan ke Akaun PB Ahli (-ahli) Kad, Kadar Faedah Istimewa yang dipilih dan dikira pada kadar harian akan dikenakan ke atas Baki Diluluskan semasa Tempoh Kadar Istimewa yang berkaitan dan seterusnya selepas tamat Tempoh Kadar Istimewa, faedah pada kadar 18% setahun akan dikenakan pada mana-mana baki Akaun BT sehingga kadar pembayaran penuh. (a) Pelan A: 0.50% sebulan untuk tempoh sehingga (6) bulan dari tarikh pemindahan; (b) Pelan B: 0.75% sebulan untuk tempoh sehingga sembilan (9) bulan dari tarikh pemindahan; (c) Pelan C: 1.00% sebulan untuk tempoh sehingga dua belas (12) bulan dari tarikh pemindahan; (s) Pelan S: 0.40% sebulan untuk tempoh sehingga tiga (3) bulan dari tarikh pemindahan; Pindahan Baki 6.99% setahun sepanjang hayat: Kadar faedah 6.99% setahun akan dikira pada kadar harian dan dikenakan ke atas Akaun PB sehingga kadar pembayaran penuh.
9. Pindahan Baki 6.99% setahun sepanjang hayat ini hanya terpakai untuk pindahan baki yang pertama ke akaun Ahli (-ahli) Kad. Lanya tidak sah untuk Pemegang Kad yang sedia ada yang sebelum ini telah membuat urus niaga pindahan baki. Sebarang urus niaga pindahan baki lain yang dibuat selepasnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat HLB yang diguna pakai dan kadar pindahan baki biasa.
10. Semasa Tempoh Program, Ahli (-ahli) Kad perlu, membuat pembayaran minima yang diperlukan dalam semua akaun kad kreditnya dan /atau Akaun (-akaun) PB atau RM50.00, yang mana satu lebih tinggi dan jika Ahli (-ahli) Kad gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran diperlukan, maka kadar faedah istimewa akan ditarik balik dan faedah sebanyak 1.50% sebulan akan dicajkan ke atas amaun yang tertunggak dalam akaun kad kreditnya dan/atau Akaun PB dari tarikh selepas tarikh pembayaran diperlukan sehingga pembayaran sepenuhnya dilaksanakan. Kegagalan untuk membuat pembayaran minima ini akan menyebabkan yuran bayaran lewat 1% dari amaun pembayaran balik atau RM5.00, yang mana satu lebih tinggi, yang akan dikenakan selepas itu.
11. Pihak HLB berhak untuk menarik balik Kadar Faedah Istimewa sekiranya Ahli (-ahli) Kad melanggar sebarang syarat-syarat dan peraturan-peraturan Program tersebut dan juga syarat-syarat dan peraturan-peraturan lazim yang mengawal Perjanjian Ahli Kad ("Perjanjian Ahli Kad") HLB Mastercard dan/atau VISA dan/atau AMEX.
12. Tidak kecuali fasal 8 dan 10 diatas, jika pada bila-bila masa, akaun Ahli(-ahli) Kad menjadi tertunggak, pihak HLB berhak atas budi bicara mutlakny mengenakan caj kewangan pada kadar biasa iaitu sebanyak 18% setahun ke atas baki tertunggak atau sebahagian daripadanya, walaupun ia masih dalam terma Program PB ini.
13. Sementara menunggu kelulusan permohonan Ahli(-ahli) Kad di bawah Program PB ini, Ahli (-ahli) Kad masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun (-akaun) kad lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan sejajar dengan peraturan-peraturan yang mengawalny. Pihak HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah atas bayaran tunggak atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang terlibat akibat kegagalan atau kelewatan Ahli (-ahli) Kad dan/atau pihak HLB dalam membuat pembayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/ Kad Caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan.
14. Program tersebut adalah tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan peraturan-peraturan pihak HLB yang lazim mengawal Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang ketidakekalan di antara Perjanjian Ahli Kad dan syarat-syarat Program tersebut, maka syarat-syarat yang terkandung di dalam akan digunakan untuk tujuan Program tersebut.
15. Sekiranya Ahli(-ahli) Kad menyelesaikan Amaun PBnya dengan sepenuhnya sebelum Tempoh Kadar Faedah istimewa tamat, satu caj penalty penyelesaian awal sebanyak RM100.00 akan dicajkan ke Akaun PB Ahli(-ahli) Kad.
16. Tertakluk kepada fasal 5 diatas dan jumlah had kredit akaun kad kredit Pemegang(-pemegang) Kad, Pemegang(-pemegang) Kad boleh memohon untuk pindahan baki kedua semasa Tempoh Program, dan juga tertakluk kepada kelulusan pihak HLB.

17. HLB berhak untuk menambah, meminda, memperbaiki, menukar atau mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat yang terkandung di sini dengn memberi notis awal. HLB boleh yang demikian, mengikut budi bicaranya, mengesposkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambahan, pengubahsuaian atau pindaan terma dan syarat ini.
18. Ahli (-ahli) Kad tidak akan mendapat mata ganjaran bagi ("Program") "Pindah Baki".
19. Terma dan syarat ini adalah terikat di bawah kawalan dan dibuat sejajar dengan perundangan Malaysia.
20. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

1. "Pindahan Baki 6.99% setahun sepanjang hayat" ("Program") ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Utama Kad Kredit Hong Leong Gold MasterCard dan/atau Visa ("Pemegang(-pemegang) Kad") yang baru dan sedia ada yang berumur 21 tahun ke atas dan merupakan Pemegang(-pemegang) kad utama bagi kad(-kad) kredit/Kad(-kad) caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan Malaysia yang lain dan/atau syarikat-syarikat kad kredit yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia di mana urusan bilnya adalah dalam Ringgit Malaysia.
2. Pemohon (-pemohon) baru dikehendaki menghantar borang permohonan pindahan baki ("Borang Permohonan PB") yang telah dilengkapi bersama dengan borang permohonan kad kredit yang berkaitan. Ahli – ahli kad tersedia hanya perlu menghantarkan borang permohonan PB.
3. Program ini hanya terpakai untuk pindahan baki yang pertama ke akaun Pemegang Kad. Ianya tidak sah untuk Pemegang Kad yang sedia ada yang sebelum ini telah membuat urusan pindahan baki.
4. HLB berhak untuk melulus dan menolak permohonan yang dihantar seseorang pemohon atau Ahli (-ahli Kad di bawah Program tersebut tanpa memberi sebarang alasan. Kelulusan permohonan tertakluk kepada syarat and peraturan yang ditetapkan oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya.
5. Amaun minima untuk pindahan baki ("PB") ialah RM 1,000.00 dan amaun maksima akan ditentukan oleh pihak HLB atas budi bicara mutlaknyanya.
6. Pihak HLB akan memberitahu Ahli (-ahli) Kad secara bertulis sama ada permohonan PBnya telah diluluskan untuk PB ("Amaun PB Diluluskan"). Sebalik sahaja Amaun PB diluluskan ditetapkan, jumlah amaun yang bersamaan dalam had kad kredit Ahli (-ahli) Kad akan ditandakan untuk tujuan tersebut dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya.
7. Yuran nominal ("Yuran Pengendalian") sebanyak RM2.00 akan dicajkan untuk setiap transaksi antara Interbank GIRO (IBG).
8. Semasa Tempoh Program, Ahli (-ahli) Kad perlu, membuat pembayaran minima yang diperlukan dalam semua akaun kad kreditnya dan /atau Akaun (-akuan) PB atau RM50.00, yang mana satu lebih tinggi dan jika Ahli (-ahli) Kad gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran diperlukan, maka kadar faedah istimewa akan ditarik balik dan faedah sebanyak 1.50% sebulan akan dicajkan ke atas amaun yang tertunggak dalam akaun kad kreditnya dan/atau Akaun PB dari tarikh selepas tarikh pembayaran diperlukan sehingga pembayaran sepenuhnya dilaksanakan. Kegagalan untuk membuat pembayaran minima ini akan menyebabkan yuran bayaran lewat 1% dari amaun pembayaran balik atau RM5.00, yang mana satu lebih tinggi, yang akan dikenakan selepas itu.
9. Pihak HLB juga berhak untuk menarik balik kadar faedah 6.99% setahun bagi Program ini jika Pemegang(-pemegang) Kad melanggar terma-terma dan syarat-syarat Program ini, juga terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dan dikuatkuasakan dalam Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian Pemegang Kad") untuk HLB MasterCard dan/atau Visa.
10. Tidak kecuali fasal 8 diatas, jika pada bila-bila masa, akaun Ahli(-ahli) Kad menjadi tertunggak, pihak HLB berhak atas budi bicara mutlaknyanya mengenakan caj kewangan pada kadar biasa iaitu sebanyak 18% setahun ke atas baki tertunggak atau sebahagian daripadanya, walaupun ia masih dalam terma Program PB ini.
11. Sementara menunggu kelulusan permohonan Ahli(-ahli) Kad di bawah Program PB ini, Ahli (-ahli) Kad masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun (-akuan) kad lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan sejajar dengan peraturan-peraturan yang mengawalinya. Pihak HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah atas bayaran tunggak atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang terlibat akibat kegagalan atau kelewatan Ahli (-ahli) Kad dan/atau pihak HLB dalam membuat pembayaran kepada Akaun (-akuan) Kad Kredit/ Kad Caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan.
12. Sebarang urusan pindahan baki lain yang dibuat selepasnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat HLB yang diguna pakai dan kadar pindahan baki biasa.
13. Program tersebut adalah tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan peraturan-peraturan pihak HLB yang lazim mengawal Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang ketidatekalan di antara Perjanjian Ahli Kad dan syarat-syarat Program tersebut, maka syarat-syarat yang terkandung di dalam akan digunakan untuk tujuan Program tersebut.
14. HLB berhak untuk menambah, meminda, memperbaiki, menukar atau mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat yang terkandung di sini dengan notis awal. HLB boleh yang demikian, mengikut budi bicaranya, mengesahkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambahan, pengubahsuaian atau pindaan terma dan syarat ini.
15. Ahli (-ahli) Kad tidak akan mendapat mata ganjaran bagi ("Program") "Pindah Baki".
16. Terma dan syarat ini adalah terikat di bawah kawalan dan dibuat sejajar dengan perundangan Malaysia.
17. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

Seperti yang digunakan di sini, perkataan “Kad” bermakna semua kad kredit (kecuali kad korporat) yang dikeluarkan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan “Ahli Kad” bermakna Pemegang Kad. Terma dan syarat-syarat di sini adalah untuk digunakan bersama-sama dengan “Perjanjian Ahli Kad Hong Leong”. Sekiranya terdapat pencanggahan atau ketidakseragaman antara terma dan syarat-syarat di sini dengan terma dalam “Perjanjian Ahli Kad Hong Leong”, maka terma dalam perjanjian ini akan diguna pakai selagi ianya berkenaan dengan Perkhidmatan Cash-on-Call ini.

1. Perkhidmatan Cash-on-Call ini hanya dibuka kepada semua Ahli Kad baru dan setia ada yang berumur 21 tahun dan ke atas.
2. Perkhidmatan Cash-on-Call ini disediakan oleh HLB untuk semua Ahli Kad, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
3. Hanya Ahli Kad yang mempunyai akaun berkenaan pada masa berkaitan dan keadaannya adalah memuaskan, boleh memohon Perkhidmatan Cash-on-Call ini. Ahli Kad yang mana permohonan (permohonan – permohonan) mereka untuk Perkhidmatan Cash-on-Call telah diluluskan, boleh mengeluarkan dan menerima wang tunai daripada had kredit sedia ada Ahli Kad untuk Kad beliau.
4. Perkhidmatan Cash-on-Call ini membenarkan Ahli Kad untuk mengeluarkan wang tunai sehingga 90% daripada had kredit sedia ada Ahli Kad (tertakluk kepada kelulusan HLB) dengan cara berikut:-
 - (i) Menerusi pemindahan dalaman untuk akaun bank Ahli Kad yang diselenggarakan di HLB; atau
 - (ii) Menerusi pemindahan giro antara bank (GIRO) ke akaun bank Ahli Kad yang diselenggarakan dengan bank berlesen yang lain di Malaysia atas pilihan Ahli Kad.
5. Ahli Kad boleh memohon untuk Perkhidmatan Cash-on-Call ini
 - (i) dengan menelefon Pusat Panggilan Hong Leong; atau
 - (ii) dengan melengkapkan borang permohonan Cash-on-Call
6. Ahli Kad tidak boleh mengumpulkan mata ganjaran dengan Perkhidmatan Cash-on-Call ini.
7. Ahli Kad akan menentukan yang berikut:
 - (i) amaun yang beliau ingin keluarkan (“Amaun Cash-on-Call”);
 - (ii) cara Perkhidmatan Cash-on-Call diberikan kepada Ahli Kad; dan
 - (iii) nama bank serta butiran akaun bank.
8. Setelah HLB meluluskan permohonan Ahli Kad dan pembayaran Amaun Cash-on-Call kepada Ahli Kad, Amaun Cash-on-Call bersama-sama dengan Faedah Cash-on-Call di atasnya untuk Tempoh Cash-on-Call seperti yang ditetapkan kemudian dari ini, akan dipotong daripada had kredit sedia ada Ahli Kad.
9. Permohonan untuk Perkhidmatan Cash-on-Call yang ditetapkan di atas, akan dianggap sebagai pematuhan terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
10. Kelulusan atau penolakan permohonan Ahli Kad akan tertakluk kepada:
 - (a) kedudukan semasa akaun Ahli Kad; dan
 - (b) had kredit Ahli Kad yang boleh didapati pada masa berkenaan; dan
 - (c) budi bicara HLB.
11. Pemindahan yang terima adalah sekurang-kurangnya RM1,500 dan dalam mana-mana hal ianya adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank, dan mungkin diubah oleh HLB dari semasa ke semasa.
12. Satu yuran pengendalian sebanyak RM25.00 untuk setiap permohonan Cash-on-Call atau amaun seumpamanya yang boleh ditentukan oleh HLB atas budi bicara HLB, akan dicajkan ke Akaun Kad Ahli Kad.
13. Sekiranya Ahli Kad menyelesaikan Amaun Cash-on-Call dengan sepenuhnya sebelum Tempoh Cash-on-Call tamat, satu caj penalti penyelesaian awal sebanyak RM25.00 akan dicajkan ke Akaun Ahli Kad.
14. Ahli Kad akan memilih satu tempoh (Tempoh Cash-on-Call) dalam permohonan beliau, untuk pembayaran Amaun Cash-on-Call beliau bersama-sama dengan Faedah Cash-on-Call (seperti yang ditetapkan kemudian dari ini).
 - (a) Tempoh untuk pembayaran Amaun Cash-on-Call bersama-sama dengan Faedah Cash-on-Call akan mengikut 12,18,24,30 atau 36 bulan (“Tempoh Ansuran Cash-on-Call”).
 - (b) Semasa Tempoh Ansuran Cash-on-Call, Amaun Cash-on-Call bersama-sama dengan Faedah Cash-on-Call akan dibayar dengan cara ansuran bulanan yang sama (“Ansuran Bulanan Cash-on-Call”). Tempoh Ansuran Cash-on-Call akan ditentukan oleh HLB dan atas pilihan Ahli Kad. Tempoh Ansuran Cash-on-Call atau Ansuran Bulanan Cash-on-Call tidak boleh dipinda. HLB layak untuk dan akan mengecaj faedah ke atas Amaun Cash-on-Call (“Faedah Cash-on-Call”) untuk Tempoh Ansuran Cash-on-Call. Faedah Cash-on-Call pada 9.88% setahun boleh ditetapkan dan/atau tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa oleh HLB atas budi bicaranya.
15. Ansuran Bulanan Cash-on-Call adalah dikira sebagai jumlah Amaun Cash-on-Call dan Faedah Cash-on-Call yang dibahagikan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran Cash-on-Call. Sekiranya terdapat mana-mana kelewatan atau kegagalan untuk membayar Ansuran Bulanan Cash-on-Call, terma “Perjanjian Ahli Kad HLB” akan digunakan ke atas Ansuran Bulanan Cash-on-Call, jika amaun berkenaan adalah satu caj daripada satu urusan niaga biasa.
16. Jumlah Amaun Cash-on-Call dan Faedah Cash-on-Call akan dibilkan kepada Ahli Kad pada tarikh penyata yang berikutnya, mengikut kelulusan HLB ke atas permohonan Ahli Kad.
17. Sekiranya Ahli Kad mungkir dalam mana-mana kewajipan beliau yang terkandung di sini, terma dalam “Perjanjian Ahli Kad Hong Leong” akan diguna pakai.
18. Ahli Kad boleh memohon lebih daripada satu Perkhidmatan Cash-on-Call, tertakluk kepada had kredit yang boleh didapati.

19. Dalam kegagalan pembayaran bagi perkhidmatan Cash-on-Call untuk mana-mana wang perlu dibayar di bawah Akaun Kad, atau melanggar mana-mana peruntukan Perjanjian Ahli Kad Hong Leong atau manamana perkara dan syarat-syarat ini oleh Ahli Kad atau pembatalan Kad atau penamatan Akaun Kad atas apa sebab sekalipun – semua baki ansuran tersebut atau baki wang tertanggung di bawah Perkhidmatan Cash-on-Call akan segera perlu dibayar dan dibayar oleh Ahli Kad, akan tertakluk atas budi bicara HLB dan dicajkan kepada Akaun Kad, maka “Perjanjian Ahli Kad Hong Leong” akan digunakan ke atas semua ansuran atau baki tersebut.
20. Mengikut “Perjanjian Ahli Kad Hong Leong”, sekiranya bayaran minimum tertentu Baki Semasa tidak diterima dengan sepenuhnya pada Tarikh Perlu Bayar, caj pembayaran lewat dan caj-caj kewangan yang berkenaan akan dikenakan ke atas amaun belum bayar, termasuk Ansuran Bulanan Cash-on-Call atau sebahagiannya.
21. HLB berhak untuk menambah, meminda, memperbaiki, menukar atau mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat ini dengan notis awal. HLB boleh yang demikian, mengikut budi bicaranya, mengeposkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambahan, pengubahsuaian atau pindaan terma dan syarat ini.
22. Pemegang Kad dikehendaki memberi notis bertulis satu bulan kepada Hong Leong Bank sekiranya penyelesaian awal dibuat keatas baki tertunggak. Pemegang Kad masih dikehendaki untuk membuat pembayaran ansuran bulanan sehingga baki tertunggak prinsipal yang belum dibil, dibilkan dalam penyata bulanan kad kredit yang selanjutnya.
23. Ahli Kad hendaklah serta-merta melangsaikan segala baki belum bayar Cash-on-Call termasuk fi dan faedah jika
 - (a) Ahli Kad memungkir mana-mana obligasinya yang dinyatakan dalam ini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad.
 - (b) Berlaku kemungkiran membayar Ansuran Bulanan Cash-on-Call atau apa-apa jumlah kena dibayar
 - (c) Cash-on-Call dibatalkan atau ditamatkan.Atau jika tidak, caj kewangan semasa berdasarkan Struktur Penentuan Harga Bertingkat akan dikenakan atas baki belum bayar Cash-on-Call tersebut.
24. Hong Leong Bank tidak bertanggungjawab ke atas dan menafikan semua liabiliti terhadap mana-mana tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh seorang Ahli Kad, disebabkan oleh atau berlaku kerana penyertaan beliau dalam Perkhidmatan Cash-on-Call ini.
25. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

Terma dan syarat di bawah akan dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong ("Perjanjian"). Semua tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian, kecuali untuk variasi yang ditetapkan di bawah. Sekiranya ada sebarang percanggahan di antara terma dan syarat Perjanjian atau terma Kad Kredit Fortune Hong Leong, sila rujuk terma dan syarat Perjanjian kerana ia tertakluk untuk Kad Kredit Fortune Hong Leong.

1. Takrif

- "Bank" bermakna Hong Leong Bank Berhad.
- "Kad" bermakna Kad Kredit Fortune Hong Leong yang dikeluarkan oleh pihak Bank.
- "Akaun Kad" bermakna akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank, dibuka atas urusan Kad.
- "Pemegang Kad" bermakna individu yang kad tersebut dikeluarkan oleh pihak Bank kepadanya dan termasuk Pemegang(-pemegang) Kad Tambahan yang layak menyertai Program ini.
- "Pedagang" adalah individu, firma atau syarikat yang terbabit dalam perniagaan menjual dan menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan.
- "Ulang Tahun Kad" merujuk kepada tarikh yang sama dengan tarikh kad didaftarkan (tarikh dan bulan yang sama) pada tahun (-tahun) berikutnya.
- "Program" bermakna program Perolehan Tunai Benar Hong Leong dan termasuk sebarang kelainan dan pindaan yang dilakukan atas budi bicara pihak Bank, dari semasa ke semasa.
- "Tunai Benar" bermakna Ringgit Malaysia yang diberikan kepada Pemegang Kad di bawah Program ini.
- Melainkan kandungan memerlukan, perkataan dan ungkapan ditafsirkan atau diertikan dalam Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad haruslah mempunyai makna yang sama apabila digunakan atau dirujuk. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki haruslah disertakan jantina wanita dan perkataan merujuk kepada bilangan tunggal disertakan dengan bilangan lebih daripada satu dan sebaliknya.

2. Kelayakan & Penyertaan

- Penyertaan dalam program ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut iaitu terma dan syarat di dalam Perjanjian Kad Kredit serta terma dan syarat di dalam Terma dan Syarat Akaun Biasa.
- Akaun(-akaun) Kad Pemegang Kad haruslah sah dan mempunyai simpanan mencukupi, tidak mempunyai pembayaran lewat dan tidak melebihi had kredit untuk melayakkan untuk menebus atau mendapat Tunai Benar.

3. Terma dan Syarat Program

- Perolehan Tunai Benar ditentukan pada akhir setiap kitaran bil/tarikh penyata dan bersamaan dengan satu peratus (1%) daripada jumlah perbelanjaan runcit yang layak. Tunai Benar yang diperolehi haruslah dikreditkan dan dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad yang disediakan secara bulanan dan Pemegang Kad haruslah mempunyai Tunai Benar minimum berjumlah RM20 dan tertakluk kepada Tunai Benar maksimum berjumlah RM50 dalam setiap kitaran bil/tarikh penyata. Dari semasa ke semasa, pihak Bank akan menawarkan nilai bersamaan dengan Tunai Benar yang lebih tinggi berbanding satu peratus (1%) daripada jumlah perbelanjaan runcit yang layak di kedai-kedai terpilih dan ditentukan sepenuhnya oleh pihak Bank. Perolehan tersebut juga akan dikreditkan dan dinyatakan secara bulanan pada Penyata Pemegang Kad.
- Pemegang Kad juga akan memperoleh Tunai Benar tambahan berdasarkan jumlah perbelanjaan runcit yang layak untuk 12 bulan terakhir sebelum bulan tarikh Ulang Tahun Kad berdasarkan peringkat yang dinyatakan di bawah:

Jumlah Perbelanjaan Runcit Tahunan (RM)	Perolehan Tunai Benar Tambahan (RM)
≥38,000	280.00
≥68,000	880.00
≥108,000	1,800.00

- Baki harian Perolehan Tunai Benar akan memperoleh faedah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap untuk 3 bulan yang terkini. Pihak Bank berhak untuk menyemak semula kadar faedah untuk baki harian Perolehan Tunai Benar bila-bila masa, tanpa menyebutkan sebarang alasan, dengan notis awal kepada Pemegang Kad dengan sebarang cara yang dianggap praktikal oleh pihak Bank.
- Setiap RM0.01 transaksi runcit dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad akan mendapat Tunai Benar. Kadar yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini adalah tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank, dengan notis awal dari masa ke semasa.
- Tunai Benar tidak mempunyai tarikh luput, tetapi tertakluk kepada kandungan fasal 6.
- Tunai Benar diberikan kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah amaun Ringgit pembelian runcit yang dinyatakan (tempat dan antarabangsa) dicaj pada Kad, termasuk kad(-kad) kredit tambahan.
- Transaksi berikut tidak termasuk dalam Program:
 - transaksi jenis tunai termasuk sekali tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai, transaksi Cash-On Call dan Pemindahan Baki;
 - transaksi Cash-On-Call;
 - termasuk bayaran dan caj tetapi tidak terhad kepada caj untuk pengeluaran tunai dan pembayaran tunai, bayaran bulanan, faedah dan/atau caj kewangan, transaksi yang dipertikaikan, caj kerajaan dan sebarang jenis caj dan penalti;
 - termasuk transaksi penukaran ansuran tetapi tidak terhad kepada Pelan Pembayaran Fleksi;
 - pemindahan dana (antara akaun Bank atau pihak ketiga);
 - transaksi yang dipertikaikan dan kemudian dikembalikan daripada akaun Pemegang Kad.
 - Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang penangguhan dalam penyataan sebenar transaksi dan/atau Tunai Benar yang diperolehi semasa Program.
- Tunai Benar yang diperolehi semasa Program mungkin mempunyai nilai kewangan seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tunai Benar Berkumpul boleh ditukarkan kepada tunai di mana setiap 0.01 Tunai Benar bersamaan dengan RM0.01.
- Tunai Benar diperolehi adalah terkumpul dalam akaun utama milik Pemegang Kad sahaja. Penebusan/pengeluaran hanya boleh dilakukan oleh Pemegang Kad Utama.
- Pemegang Kad akan diberitahu jumlah Tunai Benar yang diperolehi dan dikumpulkan serta kadar tunai dalam penyata akaun kad kredit bulanan. Hanya Tunai Benar yang dinyatakan dalam penyata akaun kad kredit boleh digunakan untuk pengeluaran/pemindahan di mana-mana ATM Bank di seluruh negara atau pemindahan tunai melalui www.hlb.com.my tertakluk kepada hak pihak Bank dalam fasal 6 yang menyatakan tentang pembatalan atau penggantungan Program tersebut.
- Sekiranya Pemegang Kad ingin membatalkan Kad, Tunai Benar yang diperolehi sedia ada haruslah ditebus sebelum tarikh akaun kad kredit ditutup, jika Akaun Kad masih kukuh pada masa penebusan dilakukan. Selepas itu semua Tunai Benar diperolehi yang tidak ditebus akan dibatalkan secara automatik tanpa pemberitahuan lanjut kepada pelanggan

- (l) Penebusan, Perolehan Tunai Benar dan faedah ke atas baki harian Perolehan Tunai Benar adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak Bank untuk membatalkan atau menggantung, tanpa memberikan sebarang alasan atau pemberitahuan kepada Pemegang Kad. Sekiranya akaun tersebut melebihi tempoh luput selama tiga puluh (30) hari atau lebih, akaun yang disyaki mempunyai unsur-unsur penipuan oleh pihak Bank atau mana-mana akaun secara sukarela atau tidak yang ditutup oleh pihak Bank, Tunai Benar yang diperoleh daripada Kad akan sama sekali dibatalkan.

4. Penebusan Tunai Benar

- (a) Penebusan Tunai Benar diperoleh akan dilakukan di mana-mana ATM Bank atau melalui pemindahan tunai di www.hlb.com.my. Selepas Tunai Benar diperoleh ditebus, Tunai Benar tersebut akan disifatkan dihapuskan dan sama sekali tidak boleh dikembalikan.
- (b) Penebusan Tunai Benar dengan perolehan yang tidak mencukupi pada Tunai Benar akan ditolak.
- (c) Semua penebusan Tunai Benar melalui ATM Bank adalah tertakluk kepada terma dan syarat berkenaan penggunaan ATM yang akan dimasukkan tetapi tidak terhad kepada amaun pengeluaran minimum, amaun pengeluaran dan amaun terhad pengeluaran seperti yang dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

5. Mata Ganjaran

Tiada Mata Ganjaran diberikan untuk Kad.

6. Variasi Ciri-Ciri Produk

- (a) Pihak Bank berhak untuk menambah atau mengubah ciri-ciri produk atau sebarang kandungan terma dan syarat, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, mengikut budi bicaranya akan menghantar surat terus kepada Pemegang Kad atau membuat pemberitahuan dalam media masa atau mengeluarkan notis di pusat operasi HLB atau di laman web www.hlb.com.my atau sebarang kaedah yang pihak Bank anggap praktikal untuk penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan terma dan syarat tersebut.
- (b) Sebagai tambahan kepada terma dan syarat yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Jika berlaku sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, maka terma dan syarat khusus akan berkuat kuasa.

Terma dan syarat di bawah hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong ("Perjanjian"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian akan berkuatkuasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan di antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma-terma untuk Kad Kredit Essential Hong Leong ("kad essential"), terma-terma perjanjian ini akan berkuatkuasa selagi ianya berkaitan ke atas kad essential tersebut.

1. Pulangan Tunai

Kad essential menikmati Pulangan Tunai 1% ke atas semua Transaksi Runcit yang sah (sepertimana dinyatakan di bawah).

- (i) Transaksi Runcit merangkumi semua transaksi runcit tempatan dan luar negara KECUALI Pendahuluan Tunai, Pinjaman-Melalui-Telefon, Flexi Payment Plan, Pindahan Baki, Transaksi Petrol (termasuk transaksi runcit di stesen petrol), Caj Kewangan, Caj Lewat dan Bayaran Yuran Tahunan.
- (ii) Minima Transaksi Runcit sebulan untuk menikmati Pulangan Tunai 1% adalah RM100.
- (iii) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap kitaran pengebilan/tarikh penyata bersamaan dengan 1% (digenapkan kepada Ringgit Malaysia terdekat). Pulangan Tunai terkumpul akan dikreditkan secara bulanan pada Penyata Pemegang Kad. Kredit Pulangan Tunai boleh atau akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana baki tunggakan perlubayar atas akaun tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang Pulangan Tunai perlubayar kepada Pemegang Kad akan direkodkan di dalam akaun kad kredit dan dinyatakan di dalam Penyata Pemegang Kad untuk bulan tersebut. Sekiranya berlaku di mana tarikh perlubayar Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad adalah bersamaan dengan tarikh Penyata Pemegang Kad, Pulangan Tunai hanya akan dinyatakan di dalam Penyata Pemegang Kad pada bulan seterusnya. Sekiranya Penyata Pemegang Kad adalah pada hari ke 31 bulan tersebut, Pulangan Tunai hanya akan dinyatakan di dalam Penyata Pemegang Kad sekali setiap dua (2) bulan.
- (iv) Pihak Bank berhak, dari masa ke semasa dan atas budi bicaranya, untuk menyemak semula peratusan Pulangan Tunai, dengan memberikan notis awal.

2. Caj Kewangan

Semua Pendahuluan Tunai yang dibuat ke atas kad essential adalah ditawarkan dengan kadar istimewa 10.8% setahun, dikira secara harian, dari tarikh transaksi. Jika bayaran minimum bulanan tidak dijelaskan pada Tarikh Perlu Bayar atau jika Pemegang Kad gagal membuat sebarang pembayaran yang perlu dibayar kepada Bank di bawah had kredit gabungan atau melanggar sebarang perjanjian dengan pihak Bank, maka pihak Bank berhak mengambil tindakan secara automatik untuk

- (i) Membatalkan kadar istimewa 10.8% setahun dan mengenakan caj kadar faedah biasa 18% setahun untuk baki tunai tertunggak yang perlu dibayar dan belum dibayar; dan
- (ii) Membatalkan yuran pendahuluan tunai istimewa 2% atau minimum RM5 (yang mana lebih tinggi), dan mengenakan yuran pendahuluan tunai standard 5% atau minimum RM20 (yang mana lebih tinggi) bagi setiap transaksi.

3. Yuran Pendahuluan Tunai

Kad essential menawarkan yuran pendahuluan tunai istimewa hanya 2% bagi setiap transaksi atau minimum RMS, yang mana lebih tinggi. Pihak Bank berhak untuk mengenakan yuran pendahuluan tunai standard 5% bagi setiap transaksi atau minimum RM20, yang mana lebih tinggi, mengikut budi bicaranya sebagaimana ditentukan dari masa ke semasa.

4. Mata Ganjaran

Tiada Mata Ganjaran diberikan untuk kad essential.

5. Nota Khas

Tawaran yang disediakan oleh kad essential tidak termasuk pelan Insurans percuma.

6. Variasi Ciri-ciri Produk

Pihak Bank berhak mengikut budi bicaranya dan dari masa ke semasa, untuk meminda, mengubah atau menukar sebarang ciri produk kad essential atau membatalkan kad essential pada bila-bila masa dengan notis awal kepada Pemegang Kad dan sebarang pindaan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank. HLB boleh yang demikian, mengikut budi bicaranya, mengesposkan secara terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap praktikal oleh Bank untuk memberitahu penambahan, pengubahsuaian atau pindaan ciri-ciri produk ini.

7. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

